

*Tahun MyCC
Memacu*
KEJAYAAN





Program Transformasi Ekonomi menjangkakan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita Malaysia akan mencecah US\$15,000 menjelang tahun 2020, selaras dengan misi negara untuk mencapai status negara maju dalam tempoh tersebut. Ini memerlukan tarikan pelaburan dengan anggaran bernilai US\$444 bilion. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan berpotensi dengan jaminan persaingan yang setara bagi semua pihak.

Laporan Persaingan Global (*Global Competitiveness Report*) 2016–2017 membuat penilaian persekitaran persaingan ke atas 138 ekonomi dan memberikan maklumat terperinci mengenai pemacu

produktiviti dan kepesatan ekonomi negara-negara terbabit. Negara yang disenaraikan di tempat teratas biasanya memperoleh jumlah pelaburan asing yang paling tinggi sekaligus menunjukkan tanda keyakinan dan kepercayaan terhadap negara tersebut di atas komitmen mereka dalam arena persaingan.

Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah untuk turut meningkatkan kedudukan Malaysia dan antara langkah tersebut adalah dengan mewujudkan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) di mana ianya berfungsi untuk mengenalpasti dan melarang amalan antipersaingan yang boleh menghalang, menyekat dan mengganggu persaingan dalam pasaran. Akta ini juga digunakan sebagai panduan untuk sektor awam dan swasta di samping memastikan undang-undang persaingan di negara ini setaraf dengan piawaian antarabangsa.

Semenjak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memulakan operasi pada bulan April 2011, MyCC telah berjaya memperoleh pelbagai pencapaian dalam usaha untuk meningkatkan penerimaan dan kefahaman mengenai kepentingan persaingan. Bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perkhidmatan dan kepimpinan yang diberikan oleh mantan Pengerusi, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Saya juga

ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pengganti beliau, Tuan Che Mohamad Zulkifly Jusoh sebagai Pengerusi baru MyCC di mana saya yakin beliau akan membawa MyCC terus maju ke hadapan dengan menggalakkan lagi persaingan di Malaysia ke mercu yang lebih tinggi.

Pada masa yang sama, perniagaan dari segenap saiz haruslah memainkan peranan masing-masing terutamanya yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merangkumi 97% daripada jumlah keseluruhan perniagaan di Malaysia, dan menjana 37% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta 18% daripada jumlah eksport berdasarkan Rancangan Malaysia ke-11, 2016–2020. Sektor PKS yang sihat dan berdaya saing dapat membantu meningkatkan kedudukan negara dalam Indeks Persaingan Global. Ini secara tidak langsung dapat menarik lebih banyak pelaburan dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Dengan ini, saya menggalakkan kesemua syarikat swasta untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi membantu bersama-sama menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan maju.

Dato' Seri Hamzah Zainudin

Menteri Perdagangan dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyambut ulangtahun penubuhannya yang ke-6 pada 1 April yang lepas. Pada hari yang sama, saya memulakan perkhidmatan saya sebagai Pengerusi baru MyCC. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah Zainudin atas amanah yang diberikan untuk menggalas jawatan ini.

Semenjak penubuhan MyCC pada tahun 2011, kadar kesedaran rakyat Malaysia yang memahami dan menerima kepentingan persaingan dalam dunia perniagaan telah meningkat terutamanya berkenaan persaingan yang merupakan komponen penting dalam mencapai misi negara. Dalam meraikan kejayaan-kejayaan MyCC yang lalu, kami tidak berhasrat untuk berdiam diri dan terus berpuas hati dengan pencapaian silam. Justeru itu, MyCC akan meningkatkan usaha-usaha dalam menganjurkan pelbagai program advokasi di mana kami bekerjasama

dengan pelbagai organisasi dari sektor awam dan swasta, terutamanya pihak PKS, agensi Kerajaan dan institusi pengajian tinggi.

MyCC percaya dengan keadaan persekitaran persaingan yang sihat, ia akan menjamin pengguna di negara ini untuk menikmati produk yang lebih berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan. Selain daripada itu, ianya juga memberi peluang kepada perusahaan tempatan yang inovatif untuk berkembang di arena antarabangsa.

Sesungguhnya, matlamat utama MyCC tidak boleh hanya dicapai melalui penguatkuasaan undang-undang dan penalti. Oleh itu, adalah penting bagi MyCC untuk terus dan sentiasa berusaha untuk membuktikan bahawa persaingan adalah terbaik dan relevan bagi semua.

Saya berhasrat untuk memacu MyCC ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikannya sebuah agensi penguatkuasa persaingan yang utama dan terbilang di rantau ini.



Tuan Che Mohamad Zulkifly Jusoh

Pengerusi



Tahun 2017 merupakan tahun yang produktif bagi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Sebagai kesinambungan daripada usaha advokasi persaingan di Malaysia, kami telah menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017 dan diikuti dengan Persidangan Persaingan ASEAN ke-7 (ACC ke-7). Kejayaan kedua-dua persidangan ini menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan yang telah diraih oleh MyCC sejak mula beroperasi pada April 2011. Dalam tempoh enam tahun sahaja, MyCC telah berjaya membina reputasi sebagai anggota yang dihormati di kalangan badan penguatkuasa persaingan yang lain di rantau ASEAN.

Dalam mengorak langkah menuju separuh kedua tahun 2017, kami ingin merakamkan penghargaan kepada mantan Pengerusi dan Anggota-anggota Suruhanjaya atas perkhidmatan, kepimpinan dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di MyCC. Kami turut mengalu-alukan Pengerusi baru MyCC, Tuan Che Mohamad Zulkifly Jusoh serta Anggota-anggota Suruhanjaya yang baru iaitu Datin Seri Ruzaina Wan Haniff dan Dato' Jagjit Singh A/L Bant Singh.

Kami yakin kemantapan MyCC dapat dipertingkatkan dengan adanya kebijaksanaan dan pengalaman dari

Anggota-anggota Suruhanjaya yang baru dan yang sedia ada. Kombinasi yang saling melengkapi ini akan membantu untuk memenuhi misi kami iaitu "melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang berfungsi dengan baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi".

Sejajar dengan itu, kami akan terus menganjurkan program advokasi dan bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan dan berkaitan. Sebagai contoh, isu tipuan bida merupakan salah satu isu yang menjadi fokus kami dan kami menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak PKS serta sektor perolehan bagi menangani isu ini. Pada masa yang sama, kami turut bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memastikan pelajar-pelajar dibekalkan dengan ilmu berkenaan Akta Persaingan 2010 dengan menjadikan Undang-undang Persaingan sebagai salah satu subjek elektif dalam silibus pembelajaran mereka.

Di samping itu, MyCC juga telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk meningkatkan jumlah tenaga kerja tetap di MyCC. Ini termasuklah inisiatif untuk menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang berkelayakan tinggi dimana ia membolehkan MyCC beroperasi dengan lebih efisien.

Kami berharap penerbitan ini akan dapat membantu anda memahami apa yang kami laksanakan, dan yang lebih penting, mengapa kami melaksanakannya.

Dato' Abu Samah Shabudin
Ketua Pegawai Eksekutif

Anggota-anggota Suruhanjaya

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly Jusoh
Pengerusi (1 Apr 2017 – 31 Mac 2020)

Dr. Zakariah Abdul Rashid
Pegawai Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
(27 Jun 2014 – 26 Jun 2017)

Datin Seri Ruzaina Wan Haniff
Peguam Bela dan Peguam Cara (Mahkamah Tinggi Malaya)
(tidak praktis) (1 Apr 2017 – 31 Mac 2020)

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
Pejabat Perdana Menteri (1 Jan 2015 – 6 Jun 2017)

Dato' Jagjit Singh a/l Bant Singh
Peguam Bela dan Peguam Cara, Jagjit Ariff & Co,
(1 Apr 2017 – 31 Mac 2020)

Puan Normazli Abdul Rahim
Peguam Cara Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
(4 Feb 2015 – 3 Feb 2018)

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin
Rakan Kongsi Pengasas Hisham & Associates
(11 Ogos 2014 – 10 Ogos 2017)

Dato' Basaruddin bin Sadali
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan (8 Jan 2016 – 7 Jan 2019)

Dato' Gan Khuan Poh
Pengarah, Lintramax (M) Sdn Bhd (15 Mei 2014 – 14 Mei 2017)

Meja Editorial

Ketua Editor

Dato' Abu Samah Shabudin

Kumpulan Editorial

Norliza Abdul Hafiz
Ketua, Bahagian Hal Ehwal Korporat

Nazarul Emran Norin

Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Korporat

Nur Diyana Fathiah Mohd Rahim

Pembantu Penyelidik,
Bahagian Hal Ehwal Korporat

Kumpulan Berita

Bahagian Hal Ehwal Korporat,
Bahagian Perancangan Strategik
& Hubungan Antarabangsa,
Bahagian Penguatkuasaan,
Bahagian Undang-undang,
Bahagian Perniagaan & Ekonomi

Untuk serahan dan pertanyaan editorial
sila emel ccu@mycc.gov.my

Penerbit dan Pengedar

The Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral,
No 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut berkaitan MyCC,
sila kunjungi:

Laman web rasmi MyCC:
www.mycc.gov.my



www.youtube.com/MyCompetitionNews



www.facebook.com/theMyCC



www.instagram.com/themycc



www.twitter.com/theMyCC

Konsep dan Diterbitkan oleh
The IBR Asia Group (3256247-V)
No. 10-3A, Jalan PJU8/3,
Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 7729 4886
Faks: +603 7729 4887

Dicetak oleh

Percetakan Skyline Sdn. Bhd. (135134-V)
No. 35 & 37, Jalan 12/32B,
Jalan Kepong, 52100 Kuala Lumpur, Malaysia

Penafian:

Penerbitan ini tidak boleh ditiru, diterbitkan semula atau diterjemah secara keseluruhan atau sebahagiannya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).
Sebarang pertanyaan sila emel
enquiries@mycc.gov.my, hubungi +603-2273 2277
atau faks +603-2272 2293/1692

New Zealand Commerce Commission (NZCC)

oleh Teh Ju-Lian, Penolong Pengarah Kanan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Terdapat tiga perkara yang terlintas di fikiran apabila menyebut tentang New Zealand: ragbi, biri-biri dan *Lord of the Rings*, tetapi keutamaannya tidak semestinya mengikut turutan ini. Saya rasa gembira kerana sewaktu dipinjamkan ke *New Zealand Commerce Commission (NZCC)*, saya bukan sahaja dapat menikmati ketiga-tiga perkara tersebut malah dapat menimba banyak pengalaman berharga yang sama sekali tidak dapat dilupakan.

Saya telah ditugaskan sebagai pegawai penyiasat di Bahagian Persaingan NZCC di bawah penyeliaan Ketua Kumpulan, Grant Chamberlain dan Pengurus Persaingan, Katie Rusbatch, dimana saya terlibat dalam dua penyiasatan kartel.

Sepanjang program Peminjaman ini, saya telah mendapat pendedahan



Teh Ju-Lian (keempat dari kanan), bersama anggota pasukan penyiasatan NZCC termasuk Grant Chamberlain (ketiga dari kanan) dan Katie Rusbatch (ketiga dari kiri).

yang luas berkaitan siasatan kartel termasuk cara menangani dan menganalisa bukti dengan lebih efektif kerana kepentingannya dalam proses penyiasatan tidak boleh diambil ringan terutamanya di dalam era digital masa kini.

Saya ingin berterima kasih kepada kumpulan *Competition Law Implementation Program (CLIP)* di bawah kepimpinan Julie Glasgow atas segala usaha mereka yang

telah merealisasikan Peminjaman ini. Saya menggalak dan mengalu-alukan semua untuk bersama-sama menyertai Peminjaman dengan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia dan New Zealand (AANZFTA) CLIP jika berpeluang, memandangkan ia amat bernilai di dalam pembangunan professional dan diri. Ini sekaligus membantu mewujudkan hubungan dan kerjasama kukuh antara badan penguatkuasa persaingan dari negara serantau.



Tokyo, Japan

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan MyCC Iskandar Ismail, dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa Hany Azreen Shamsiruddin telah menghadiri latihan '*Promotion of Cross-Border Enforcement in ASEAN*

Region' dari 11–13 Januari yang diadakan di Tokyo, Japan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti negara anggota ASEAN dalam melaksanakan undang-undang persaingan sekaligus menggalakkan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Sydney, Australia

Pada 23–25 Mei, Fong Chuen Fuen, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perniagaan dan Ekonomi mewakili Suruhanjaya bagi bengkel '*Competition in the Pharmaceutical Sector*' di Sydney, Australia. Bengkel ini menekankan kepentingan polisi persaingan dalam sektor farmaseutikal, dan bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pegawai agensi persaingan dalam menangani kes-kes daripada sektor berkenaan.



The Ridzqun International Hotel, Brunei

Pada 7–9 Februari, sebuah bengkel '*Competition Economics in Practice*' telah diadakan di The Ridzqun International Hotel di Brunei Darussalam. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran para pegawai berhubung dengan analisis ekonomi di organisasi masing-masing. Hj. Junaidah Mohd Shazilli, dan Mohd Hasbullah Mohamad Faudzi dari Bahagian Perniagaan dan Ekonomi telah hadir mewakili MyCC.



Nha Thrang City, Vietnam

Penolong Pengarah Bahagian Perniagaan dan Ekonomi MyCC, Ismail Faruqi dan Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Tong Yew Fai, Mohd Fauzan dan Ponn Wann mewakili MyCC sebagai sebahagian daripada delegasi Malaysia ke Mesyuarat Rasmi Pegawai Kanan *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)* dan mesyuarat berkaitan di Nha Thrang City, Vietnam pada bulan Februari tahun ini. Ismail Faruqi dan Tong Yew Fai telah menghadiri dua bengkel iaitu '*Using Competition Assessment to Eliminate Barriers to Trade, and Commerce in Goods and*

Services' yang diadakan pada 20–21 Februari di mana pendedahan mengenai dasar-dasar Kerajaan yang boleh menghalang persaingan, dan bagaimana penilaian persaingan dapat membantu perdagangan bebas barangan dan perkhidmatan telah dibincangkan. Bengkel ini turut memperkenalkan '*OECD Competition Assessment Toolkit*' dan bagaimana ia boleh digunakan untuk ekonomi APEC.

Manakala bengkel kedua bertajuk '*Economics of Competition Policy*' pula telah diadakan pada 22–23 Februari. Program ini membolehkan

Auckland, New Zealand



H. Hezrin Jeffry Daud Hong, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antrabangsa dan Karen Chai, Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang telah menghadiri bengkel di Auckland dari 1–2 Jun 2017. Objektif utama adalah untuk membincangkan kecekapan regim kelonggaran. Bengkel ini adalah bertepatan dengan usaha sebilangan negara-negara anggota Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia dan New Zealand (AANZFTA) yang sedang dalam rundingan untuk memperkenalkan regim kelonggaran dalam bidang kuasa mereka.

wakil-wakil MyCC bertukar kemahiran, fikiran dan pengetahuan dengan para pegawai agensi penguatkuasa persaingan lain dari negara-negara APEC berkenaan penggunaan bukti ekonomi di dalam kes-kes persaingan.

Di samping itu, Mohd Fauzan dan Ponn Wann telah mewakili MyCC di seminar '*Investigative Powers of Competition Agencies*' pada 24–25 Februari di mana pakar-pakar dari Amerika Syarikat dan Mexico mengendalikan latihan mengenai penggunaan kuasa penyiasatan yang berkesan.

Persidangan Persaingan Malaysia 2017

Pada bulan Mac lalu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017. Persidangan dua hari tersebut yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah yang diadakan di Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor pada 6-7 Mac 2017. Tema persidangan 'Competition Law: Breaking Norms, Managing Change' amat bersesuaian dengan matlamat utamanya di mana para peserta berpeluang untuk berbincang mengenai Undang-undang Persaingan dan langkah-langkah pelaksanaannya.

Persidangan ini dihadiri wakil-wakil dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan sekaligus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan



[Barisan hadapan] Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah duduk di tengah bersama-sama Menteri Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Seri Hamzah Zainudin (kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Jamil Salleh (paling kiri) dan, mantan Pengerusi, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob (kanan) serta KPE MyCC, Dato' Abu Samah Shabudin [paling kanan]. [Barisan belakang] Anggota-anggota Suruhanjaya MyCC.

persaingan di dalam perniagaan. Antara topik yang menjadi fokus persidangan tersebut adalah peranan kehakiman dalam undang-undang dan dasar persaingan, halatuju, melindungi perusahaan kecil dan

sederhana, persaingan dalam e-dagang, analisa ekonomi dalam undang-undang persaingan dan cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan pada masa kini.

Persidangan Persaingan ASEAN ke-7

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menjadi hos mewakili Malaysia di Persidangan Persaingan ASEAN (ACC) ke-7 di Sunway Resort Hotel & Spa pada 8-9 Mac 2017. Tema persidangan iaitu 'ASEAN@50: Managing Change in a Competitive ASEAN' telah dipilih

bersempena sambutan ulang tahun ke-50 ASEAN sekaligus ulang tahun ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) ke-10. Tema ini bertumpu kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa persaingan yang masih baru diikuti dengan perbincangan dan sesi

perkongsian idea dan maklumat antara 200 peserta yang hadir.

Dengan menegenahkan tema berlainan setiap tahun, ACC bertanggung jawab membangunkan pelaksanaan *Competition Policy and Law (CPL)* di rantau ASEAN. CPL turut membantu dalam melindungi amalan antipersaingan dengan mempromosi faedah persaingan sihat di kalangan perniagaan.

ACC ke-7 ini merupakan anjuran bersama AEGC, Sekretariat ASEAN, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia dan New Zealand (AANZFTA) Economic Cooperation Support Programme (AECSP), dan juga Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH, yang dilantik oleh German Federal Ministry for Economic Cooperation and Development (BMZ).



Perbincangan bagi 'ASEAN's Young Competition Agencies – the Tough Get Going' diketuai oleh Toh Han Li, Ketua Eksekutif, Competition Commission of Singapore (tengah). Para panelis terdiri daripada Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin, Anggota Suruhanjaya (paling kiri), Gwen Grecia De Vera, Pengarah Eksekutif Philippine Competition Commission (dua dari kiri), David Chrystall, Ketua Penasihat New Zealand Commerce Commission (dua dari kanan) dan Aung Min Thyke, Pengarah Jabatan Perdagangan, Republik Persatuan Myanmar (paling kanan).

Membentuk Persaingan yang Sihat

Adlan Abdul Razak,
Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam



Secara amnya, mekanisme penetapan harga barangan dan perkhidmatan ditetapkan melalui pergerakan tawaran dan permintaan dalam sesuatu pasaran. Sekiranya terdapat permintaan yang tinggi terhadap sesuatu barangan yang tidak dapat dipenuhi oleh penawaran, maka harganya akan menjadi lebih tinggi. Begitu juga sebaliknya, sekiranya penawaran melebihi permintaan, pembekal terpaksa menurunkan harga barangan dan perkhidmatan bagi memastikan mereka mendapat keuntungan hasil daripada barangan yang dapat dijual. Pasaran yang bebas dapat memastikan pengguna mempunyai banyak pilihan dan barangan dan perkhidmatan yang dijual adalah lebih berkualiti. Pembekal tidak berupaya mengawal atau menetapkan barangan mereka di dalam pasaran bebas kerana harga ditentukan melalui operasi tawaran dan permintaan dalam pasaran. Sekiranya pembekal menaikkan harga barangan sesuka hati mereka, pengguna akan berupaya untuk memilih pembekal yang lain kerana pengguna dalam pasaran bebas mempunyai banyak pilihan. Pasaran yang bebas juga dapat mengelakkan pembaziran sumber dan memastikan ekonomi sesebuah negara lebih berdaya saing.

Manakala pasaran yang bersifat antipersaingan lebih mudah dimanipulasi oleh pengeluar. Pengeluar mempunyai lebih banyak kawalan ke atas harga. Mereka tidak akan mempunyai insentif untuk menjadi inovatif dan berdaya saing. Sumber tidak akan diperuntukkan dengan cekap. Pengguna berhadapan dengan pilihan yang berkurangan dan harga yang lebih tinggi namun berkualiti rendah. Keadaan ini boleh mengakibatkan berlakunya kepincangan dalam pasaran dan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pasaran yang bersifat monopoli pula biasa terjadi apabila pasaran

tersebut hanya mempunyai satu atau dua pembekal yang membekalkan barangan atau perkhidmatan yang sama. Pembekal berupaya untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan mereka tanpa bimbang sekiranya pengguna mencari alternatif lain. Dalam pasaran yang bersifat monopoli, pengguna tidak mempunyai alternatif. Pembekal dalam pasaran monopoli berkuasa menetapkan harga barangan mengikut cita rasa mereka dan berkemungkinan akan menyalahgunakan kuasa pasaran mereka.

Bagi memastikan pasaran kekal bebas, Akta Persaingan 2010 diperkenalkan. Proses persaingan digalakkan kerana ia didapati akan memberi manfaat kepada pengguna melalui harga yang lebih kompetitif, kualiti yang lebih baik dan pilihan yang lebih banyak. Harga yang kompetitif boleh diperolehi daripada pasaran yang berdaya saing. Pasaran yang berdaya saing ini dapat diperolehi dengan melarang

sebarang bentuk perjanjian, pakatan, kawalan bekalan, tipuan bida mahupun penyalahgunaan kuasa dominan dalam pasaran yang boleh menghalang proses persaingan.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Tindakan menguatkuasaan telahpun diambil terhadap pelbagai jenis syarikat termasuk syarikat syarikat berkaitan dengan kerajaan dan berprofil tinggi. Sehubungan dengan itu adalah penting untuk semua menyedari kewujudan Akta ini dan mematuhi baginya bagi mengelakkan mereka daripada dikenakan tindakan undang-undang.

► Untuk artikel penuh, sila layari laman web rasmi MyCC www.mccc.gov.my



KATAKAN TIDAK PADA KARTEL

Dr. Nasarudin, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar),
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Jika kita imbas kembali lima tahun yang lepas, semasa undang-undang persaingan mula-mula dikuatkuasakan pada tahun 2012, kes pertama yang dikendalikan oleh MyCC adalah berkaitan dengan amalan penetapan harga. Dalam kes tersebut, Persatuan Florikultur Cameron Highland didapati melanggar Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 kerana menetapkan harga bunga seterusnya menghalang dan oleh itu mengganggu persaingan dalam pasaran florikultur.

Jenis aktiviti seumpama ini dikenali sebagai 'kartel' di mana ahli-ahli kartel akan bersama-sama bersekongkol dalam amalan antipersaingan untuk menghapuskan atau mengurangkan persaingan di dalam pasaran. Kebiasaannya mereka akan bersepakat untuk menaikkan harga sesuatu barang atau perkhidmatan (berdasarkan peraturan) di dalam suatu perjanjian mendatar dan menegak. Ini termasuk perancangan untuk menghadkan perkhidmatan mereka dalam suatu pasaran yang telah didominasi oleh perusahaan-perusahaan lain.

Setakat ini, daripada 18 kes yang telah disiasat oleh MyCC, 14 daripadanya adalah berkenaan dengan aktiviti kartel. Ini termasuk tindakan terhadap perniagaan di dalam industri penerbangan, pengeluaran roti dan manisan dan perusahaan-perusahaan ais.

Pihak yang selalu menjadi mangsa kepada kartel adalah pengguna. Walau bagaimanapun, pengguna tidak menyedari mereka sedang dimanipulasikan oleh aktiviti tersebut. Perusahaan-perusahaan menaikkan harga walaupun mereka sebenarnya boleh menjual produk atau perkhidmatan tersebut pada harga yang rendah untuk manfaat pengguna. Justeru, hak kebebasan pengguna dalam membuat pemilihan terjejas. Aktiviti-aktiviti kartel juga boleh mengganggu-gugat mana-mana ekonomi kerana kenaikan harga

sesuatu barang yang mendadak boleh menjurus kepada kesan domino yang mana ia boleh menjejaskan harga minyak dan barang keperluan yang lain seperti tenaga elektrik. Insiden-insiden seperti ini boleh dilihat di seluruh dunia seperti di Singapura, Indonesia dan Afrika Selatan.

Mengesan aktiviti kartel memerlukan banyak tenaga kerja. Sebagai badan penguatkuasa yang diamanahkan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, MyCC meletakkan keutamaan yang tinggi dalam memerangi aktiviti kartel. MyCC juga sentiasa aktif menjalankan program-program advokasi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan keburukan aktiviti kartel melalui lebih

dari 200 program advokasi. Apabila orang awam sedar dan tahu tentang perundangan persaingan, mereka boleh membantu MyCC dengan mengesan dan membuat aduan tentang aktiviti kartel.

Cabaran lain yang dihadapi oleh MyCC adalah apabila aktiviti-aktiviti kartel dijalankan secara rahsia. Disebabkan itu, MyCC menawarkan program kelonggaran kepada perusahaan-perusahaan yang mahu mengaku penglibatan mereka dalam aktiviti kartel seterusnya membantu MyCC membuktikan kewujudan amalan-amalan antipersaingan. Ini semestinya akan menguatkan lagi pematuhan perundangan persaingan di antara perusahaan-perusahaan.

Secara ringkas, MyCC tidak sepatutnya dilihat sebagai agensi yang bertujuan untuk mengekang kerancakan perniagaan, tetapi sebuah agensi yang merangsang pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan persekitaran yang lebih kompetitif.

► Untuk artikel penuh, sila layari laman web rasmi MyCC www.myc.gov.my

MyCC confirms 'proposed decision' against PIAM, members

KUALA LUMPUR: Malaysia Competition Commission (MyCC) CEO Datuk Abu Samah Shabudin said yesterday it had indeed issued a "proposed decision" on Feb 22, 2017 against the General Insurance Association of Malaysia (PIAM) and its 22 members for being parties to an anti-competitive agreement.

per hour for PIAM Approved Repairers Scheme workshops. MyCC, while acknowledging that it proposes to impose various remedies including financial penalties against the 22 general insurers, did not confirm the RM213.45 million penalties reported by Allianz Malaysia Bhd in its filing with Bursa Malaysia last Friday.

MyCC makes its assessment and its reasons for arriving at the decision. This is issued to the enterprises concerned to assist them to make representations and provide any other information to support their representations to the MyCC. The enterprises concerned have 30 days from the date of receipt of the

MyCC imposes RM213mil penalty on general insurers

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has proposed to impose a financial penalty of RM213.45mil on all 23 general insurers in the country. Allianz Malaysia Bhd said yesterday, its subsidiary, Allianz General Insurance Company (M) Bhd (AGIC), was among the insurers - who are members of Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) -

alleged to have infringed one of the prohibitions under Part II of the Competition Act 2010 (CA). It said the financial penalty resulted from MyCC's investigation into the alleged infringement in the agreement between PIAM and the Federation of Automobile Workshop Owners' Association of Malaysia (FAWOAM) on trade discount rates for parts for certain

vehicle makes and labour hourly rates for PIAM approved repairers scheme workshops. These rates were applied by AGIC pursuant to a members' circular issued by PIAM, which arose from Bank Negara's directive to PIAM to engage FAWOAM to resolve the issues of parts trade discounts and labour hourly rate," it said. Allianz said the proposed

decision included a proposed financial penalty of RM213.45mil on all the 22 general insurers. Allianz said its general insurer AGIC, as one of the members of PIAM, would have a share of RM27.08mil of the proposed penalty. It said the proposed decision was not final and AGIC would defend its position that it has not infringed Section 4(2)(a) of the CA.

Keputusan cadangan yang terkini oleh MyCC berkenaan isu kartel.

Program Advokasi Persaingan 2017

MAC

Taklimat AP 2010 bersama Nilai University

Tarikh : 1 Mac 2017
Tempat : Nilai University, Nilai, Negeri Sembilan
Penceramah : Dhaniah Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

Sesi Taklimat AP 2010 bersama Badan Kehakiman Malaysia

Tarikh : 7 Mac 2017
Tempat : Istana Kehakiman, Putrajaya
Penceramah : Hakim Dennis Davis (High Court and Judge President of the Competition Appeal Court of South Africa)

Sesi Pertemuan dengan Bahagian Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang, Bank Negara Malaysia (BNM)

Tarikh : 24 Mac 2017
Tempat : Pejabat MyCC, KL Sentral
Penceramah : Ayuda Sari Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa; dan Iskandar Ismail, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

APRIL

Sesi Taklimat bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, KPK (MOTAC) berkenaan AP 2010

Tarikh : 10 April 2017 | Tempat : Pejabat MyCC, KL Sentral
Penceramah : Ayuda Sari Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa; dan Hany Azreen Shamsiruddin, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa



Dato' Abu Samah Shabudin, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC mengetuai taklimat di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) di Terengganu.

MEI

Perbincangan mengenai AP 2010 dan isu-isu berkaitan persaingan di sektor kesihatan

Tarikh : 5 Mei 2017
Tempat : Kementerian Kesihatan, Putrajaya
Penceramah : Ayuda Sari Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa; dan Dharliza Dris, Pengarah Bahagian Undang-undang

Taklimat berkenaan AP 2010 sempena Capacity Intellectual Intensive Course (CIC) bertajuk Kos Sara Hidup

Tarikh : 14 Mei 2017
Tempat : Universiti Teknologi MARA, Terengganu
Penceramah : Mohd Azman Mohd Mahmud @ Bahari, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

Taklimat berkenaan AP 2010 dengan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Terengganu

Tarikh : 14 Mei 2017
Tempat : Pejabat KPDNKK, Terengganu
Penceramah : Ayuda Sari Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa; dan Iskandar Ismail, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

Taklimat berkenaan AP 2010 bersama pihak industri (Perniagaan Perkhidmatan Wang)

Tarikh : 15 Mei 2017 | Tempat : Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur
Penceramah : Iskandar Ismail, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan; dan Karen Chai E-Zhu, Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang

Taklimat Penguatkuasaan berkenaan AP 2010 dengan Toyo Tires Malaysia Sdn Bhd.

Tempat : 16 Mei 2017 | Tempat : Toyo Tyre Sales & Marketing Malaysia Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor
Penceramah : Ayuda Sari Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa; dan Dhaniah Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan

Taklimat berkenaan AP 2010 dengan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pulau Pinang

Tarikh : 22 Mei 2017
Tempat : Pejabat KPDNKK, Pulau Pinang
Penceramah : Mohd Azman Mohd Mahmud @ Bahari, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan; dan H. Hezrin Jeffry bin Daud Hong, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa



Para pegawai MyCC bersama Bahagian Penguatkuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) di Pulau Pinang.

Usahasama Untuk Persaingan

Antara sebahagian daripada usaha advokasi MyCC adalah untuk memastikan generasi akan datang dibekalkan dengan pengetahuan yang secukupnya tentang kepentingan

persaingan dan Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Sehubungan itu, MyCC telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan wakil-wakil daripada Maktab Koperasi

Malaysia (MKM) dan juga lima Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Taylor's University.

Mantan Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob (kanan) menandatangani perjanjian persefahaman dengan Prof Madya Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) (kiri), disaksikan oleh Mantan KSU KPDNKK.



Dengan kerjasama ini, Undang-undang Persaingan telah dijadikan salah satu subjek elektif dalam silibus pengajian perniagaan dan undang-undang bagi pelajar-pelajar di institusi yang terlibat. Ini akan dapat membantu orang ramai sedar tentang hak mereka sebagai pengguna apabila mereka lebih tahu tentang AP 2010.

Tipuan Bida

Memerangi Tipuan Bida

MyCC, bersama-sama *Japan Fair Trade Commission* (JFTC) dan Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU) telah mengadakan bengkel dua hari berkenaan tipuan bida dari 26–27 April, di Hotel Corus Kuala Lumpur. Bertajuk '*Investigative Strategies and Techniques to Fight Bid Rigging*

Cartels', bengkel ini membolehkan JFTC, yang ditubuhkan sejak 68 tahun lalu, berkongsi pengalaman mereka di dalam subjek berkaitan tipuan bida kepada 40 delegasi yang hadir.

Di antara agenda bengkel tersebut termasuklah perbincangan kritikal

berkenaan kes-kes melalui kaedah hipotesis, sesi praktikal dan penyiasatan dalam mengesan kartel dan sebagainya. Ia turut menjadi platform bagi para peserta untuk bertukar maklumat, idea dan ilmu untuk mengukuhkan lagi prinsip-prinsip Akta Persaingan 2010 di rantau ini.



Japan Fair Trade Commission berkongsi kemahiran mereka semasa bengkel dengan mengadakan perbincangan terperinci berkenaan tipuan bida.

DOMINASI ADA HAD

MyCC telah mengenakan penalti ke atas MyEG Services Berhad (MyEG) kerana melanggar seksyen 10(2)(d)(iii) AP 2010. MyEG didapati telah menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di dalam peruntukan dan pengurusan pembaharuan Pas Lawatan kerja Sementara (PLKS) atas talian.

Selain daripada penalti kewangan MyCC juga mengenakan remedi termasuk arahan untuk berhenti dan menghentikan tindakan meletakkan syarat yang berlainan ke atas transaksi yang sama.

CADANGAN KEPUTUSAN TERHADAP PIAM

Pada Februari tahun ini, MyCC telah memutuskan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya terlibat di dalam perjanjian antipersaingan yang melibatkan penetapan diskaun alat ganti kenderaan dan caj upah. Keterangan yang didapati oleh MyCC menunjukkan PIAM dan ahlinya telah menetapkan diskaun dagangan bagi alat ganti kenderaan pada kadar 25% bagi enam pengeluar kenderaan iaitu Proton, Perodua, Nissan, Toyota, Honda dan Naza manakala model Proton Saga BLM pula pada kadar 15% serta kadar upah kerja sebanyak RM30 sejam bagi mana-mana bengkel di bawah Skim Pembaik Pulih diluluskan PIAM.

MyCC telah mengenakan cadangan penalti sebanyak RM213,454,814 dan lain-lain remedi ke atas semua ahli PIAM kerana melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Kes ini masih di peringkat cadangan keputusan.

TRIBUNAL RAYUAN KEKALKAN DENDA MyCC

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) telah menolak rayuan Prompt Dynamics Sdn Bhd terhadap penalti sebanyak RM152,042 yang dikenakan MyCC kerana terlibat dengan aktiviti kartel harga. Sebelum ini, MyCC mendapati bahawa Prompt Dynamics telah melanggar Seksyen 4 (2)(a) AP 2010 dan telah mengenakan penalti maksimum ke atas syarikat tersebut.

Selain daripada Prompt Dynamics, MyCC turut menyiasat dan mengenakan penalti ke atas empat lagi syarikat bagi aktiviti kartel harga. Jumlah kesemua penalti yang dikenakan ke atas lima perusahaan tersebut adalah RM645,000.

“Peranan MyCC dapat dilihat melalui tindakan secara aktif dalam menangani isu perniagaan yang menjalankan aktiviti antipersaingan. Institusi pengajian tinggi juga sedar akan usaha gigih yang dijalankan oleh MyCC apabila MyCC bekerjasama dengan pihak universiti dalam memperkenalkan Undang-undang Persaingan, disamping kegiatan MyCC yang sentiasa menjalankan persidangan persaingan yang dihadiri oleh pakar-pakar Undang-Undang Persaingan dari seluruh dunia.”

– Puteri Sofia Amiruddin,
Pengarah Program Taylor's University (Program Pasca
Siswazah Undang-Undang) & Pensyarah





**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**

PERHATIAN BAGI SEMUA PKS!

MyCC telah memperkenalkan sistem e-Pembelajaran tentang Program Pemuatan Persaingan supaya **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** boleh memahami konsep **persaingan dan kepentingan** dalam mematuhi prinsip-prinsip yang berkaitan.

**Adakah anda memahami Akta Persaingan 2010 dengan jelas?
Bersediakah anda untuk mengetahui dengan lebih lanjut?**

Layarilah laman sesawang kami di <http://elearning.myc.gov.my> untuk mencuba lima modul unik yang disediakan. Uji diri anda!



Matlamat sistem e-Pembelajaran ini adalah untuk meningkatkan pemuatan dan kesedaran mengenai akta persaingan di kalangan PKS menjelang 2020.



IKUTI KAMI DI:



www.myc.gov.my



www.facebook.com/theMyCC



www.youtube.com/MyCompetitionNews